

## **PERUTUSAN KHAS TAHUN BAHARU 2025**

---

**Tuan Yang Terutama  
Yang di-Pertua Negeri Sarawak  
Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kita dipanjangkan usia untuk menyambut tahun 2025 dengan penuh kesyukuran. Tahun baharu bukan hanya sekadar pergantian waktu, tetapi sebuah peluang untuk kita memperbaiki kelemahan, memperkuuh silaturahim, ukhwah dan menanam azam baharu demi kebaikan bersama.

Saya amat berbangga melihat semangat rakyat Sarawak yang sentiasa mengutamakan perpaduan dalam kepelbagaiannya. Inilah kekuatan kita sebagai sebuah negeri—bersama-sama menghadapi cabaran dengan penuh keyakinan dan kebersamaan.

Semoga tahun ini menjadi permulaan kepada lebih banyak kejayaan untuk negeri kita, sama ada dalam pendidikan, pembangunan ekonomi, atau pemeliharaan budaya dan alam sekitar. Marilah kita terus melangkah maju, bukan untuk diri kita sahaja, tetapi untuk generasi yang akan datang.

Saya dan isteri mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2025. Semoga tahun ini membawa keberkatan, kesejahteraan, dan kebahagiaan kepada seluruh rakyat Sarawak.

Terima kasih.